

ANALISIS DESKRIPTIF KUTIPAN ZAKAT DAN TAHAP PEMBANGUNAN MANUSIA DI MALAYSIA

DESCRIPTIVE ANALYSIS OF ZAKAT COLLECTION AND HUMAN DEVELOPMENT LEVEL IN MALAYSIA

Mohd Taqiyuddin Che Hassan¹

Mohd Hafiz Abdul Wahab^{2*}

Faezy Adenan³

Mohd Zaid Mustafar⁴

¹ Calon Pelajar Phd: Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia (E-mail: 2023994397@student.uitm.edu.my)

² Pensyarah Kanan: Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia (E-mail: hafiz313@uitm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan: Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia (E-mail: faezyadenan@uitm.edu.my)

⁴ Pensyarah Kanan: Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Melaka Branch, Alor Gajah Campus, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia (E-mail: zaidmustafar@uitm.edu.my)

*Corresponding author: hafiz313@uitm.edu.my

Article history

Received date : 14-7-2025

Revised date : 15-7-2025

Accepted date : 30-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Che Hasan, M. T., Abdul Wahab, M. H., Adenan, F. & Mustafar, M. Z. (2025). Analisis deskriptif kutipan zakat dan tahap pembangunan manusia di Malaysia.

Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 10 (74), 43 - 55.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara kutipan zakat dan tahap pembangunan rakyat di Malaysia berdasarkan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) dengan menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh lima tahun dari 2019 hingga 2023. Analisis deskriptif dilakukan dengan mengkategorikan negeri kepada tiga kumpulan iaitu negeri berkutipan zakat tinggi, sederhana dan rendah berdasarkan kepada jumlah kutipan tahunan. Penilaian tahap pembangunan rakyat pula diukur menggunakan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) yang merangkumi dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa negeri-negeri dengan kutipan zakat yang tinggi seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan mencatat nilai IPRM yang lebih stabil dan tinggi berbanding negeri yang mempunyai kutipan zakat yang rendah seperti Sabah dan Melaka. Walau bagaimanapun, terdapat juga negeri yang mencatat IPRM tinggi walaupun kutipan zakat adalah rendah dan ini menunjukkan terdapatnya faktor-faktor lain yang mempengaruhi tingkat pembangunan rakyat Malaysia. Kajian ini menyimpulkan bahawa terdapatnya hubungan yang positif antara kutipan zakat dan tahap pembangunan rakyat, namun hubungan ini turut dipengaruhi oleh konteks pentadbiran, sosioekonomi dan kecekapan agihan zakat di peringkat negeri. Kajian ini turut mencadangkan beberapa pendekatan kutipan dan agihan zakat untuk disesuaikan mengikut keperluan negeri serta disokong oleh tadbir urus yang cekap, serta impak yang lebih menyeluruh.

Kata Kunci: Zakat, Kutipan Zakat, Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM), Pembangunan Manusia, Analisis Deskriptif

Abstract: This study aims to analyze the relationship between zakat collection and the level of human development in Malaysia, based on the Malaysia Human Development Index (MHDI), using secondary data obtained from the Department of Endowment, Zakat and Hajj (JAWHAR), the State Islamic Religious Councils, and the Department of Statistics Malaysia over a five-year period from 2019 to 2023. A descriptive analysis was conducted by categorizing the states into three groups—those with high, medium, and low zakat collection—based on their total annual collections. The level of human development was assessed using the MHDI, which encompasses the dimensions of health, education, and standards of living. The findings indicate that states with high zakat collections, such as Selangor and the Federal Territories, recorded more stable and higher MHDI values compared to states with lower zakat collections, such as Sabah and Melaka. However, there are also states that recorded high MHDI values despite having low zakat collections, suggesting that other factors also influence the level of human development. The study concludes that while there is a positive relationship between zakat collection and the level of MHDI, this relationship is also shaped by administrative efficiency and the broader socio-economic context at the state level. The study further recommends that strategies for zakat collection and distribution be tailored to each state's specific needs, supported by good governance and aimed at generating a more comprehensive developmental impact.

Keywords: Zakat, Zakat Collection, Malaysia Human Development Index (MHDI), Human Development, Descriptive Analysis

Pengenalan

Zakat berfungsi sebagai medium perantara yang penting untuk menghubungkan golongan berkemampuan dengan golongan yang memerlukan, seperti fakir dan miskin. Selain daripada bantuan asas, zakat turut disalurkan bagi bantuan pendidikan, kesihatan, dan peningkatan taraf hidup. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesejahteraan hidup asnaf disamping dapat meningkatkan kuasa beli para asnaf. Pengkorporatan institusi zakat di Malaysia bukan sahaja memperkuatkkan sistem pengurusan zakat, tetapi turut meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan zakat ke atas asnaf dalam memperkasa ekonomi ummah khususnya dalam tingkat pembangunan manusia. Pengurusan zakat yang lebih moden dan efisien bukan sahaja meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan, tetapi turut memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang lebih sejahtera dan harmoni. Meskipun terdapat pusat zakat yang masih kekal dengan cara tradisional, namun ia turut memberi kesan yang positif dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia. Berdasarkan kepada realiti semasa, hasil kutipan zakat bagi setiap negeri di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang positif pada setiap tahun (JAWHAR, 2024). Ini menunjukkan komitmen masyarakat khususnya yang beragama Islam dalam menunaikan kewajipan rukun Islam yang ketiga iaitu menunaikan zakat.

Zakat dari sudut makroekonomi disandarkan kepada dasar fiskal yang merujuk kepada instrumen agihan semula dalam sesebuah negara ataupun daripada sudut masyarakat Islam. Manakala dari sudut mikroekonomi pula memainkan peranan penting dalam peruntukan atau pengagihan zakat kepada penerima zakat yang terdiri daripada golongan asnaf yang berkelayakan (Suprayitno, 2020). Hal ini turut dinyatakan dalam al-Quran berkaitan dengan

golongan asnaf yang berhak menerima agihan zakat agar tingkat pembangunan ekonomi ummah tercapai. Firman Allah SWT di dalam surah al-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Hikmah pensyariatan zakat juga secara tidak langsung dapat mengelakkan penumpuankekayaan dan aliran wang berada pada pihak tertentu sahaja dan hal ini akan mengakibatkan ekonomi menjadi lemah dan yang kaya semakin kaya manakala yang miskin akan kekal menjadi miskin. Oleh yang demikian, dengan instrumen zakat sedia ada dapat meningkatkan penggunaan dalam kalangan golongan fakir dan miskin untuk memenuhi keperluan hidup mereka (Sharofiddin, 2019). Oleh itu, penilaian zakat dalam kerangka Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dapat diselaras dengan sistem ekonomi Islam berdasarkan kepada naratif pembangunan global. Oleh yang demikian, adakah hasil kutipan zakat tersebut dapat meningkatkan kesejahteraan hidup asnaf dan seterusnya dapat meningkatkan pembangunan rakyat Malaysia dengan merujuk kepada tiga faktor utama yang telah dikenal pasti sebagai penggerak utama kepada pembangunan rakyat Malaysia berdasarkan kepada teori pembangunan manusia (ul-Haq, Mahbub, 1995):

1. *Indeks Jangka Hayat*: Dimensi umur yang panjang dan kehidupan yang sihat dengan merujuk kepada indikator jangkaan hayat ketika lahir;
2. *Indeks Pendidikan*: Dimensi akses kepada pengetahuan dengan merujuk kepada indikator jangkaan persekolahan dan purata tahun persekolahan; dan
3. *Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK)*: Dimensi Taraf hidup yang baik dengan merujuk kepada indikator (PNK) perkapita.

Pada tahun 1990, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah memperkenalkan pendekatan baharu untuk menilai pembangunan manusia iaitu melaui Indeks Pembangunan Manusia (IPM) (The Economic Times, 2023). Pengukuran IPM adalah sangat penting bagi sesebuah negara kerana ia adalah gambaran secara menyeluruh dalam pembangunan manusia. IPM terbina berdasarkan kepada tiga dimensi utama: jangka hayat (kesihatan), pendidikan dan taraf hidup (pendapatan perkapita) (Ul-Haq, Mahbub, 1995). Dengan menjadikan IPM sebagai pengukur prestasi untuk sesebuah negara, ini dapat membantu kerajaan dalam menilai pembangunan yang dilaksanakan sebelum ini sama ada memberi kesan positif atau tidak kepada rakyat. Jika IPM sesebuah negara meningkat, ini menunjukkan keberkesanan program yang dilaksanakan khususnya dalam bidang kesihatan, pendidikan dan pelaksanaan dasar kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat adalah tercapai dan seterusnya dapat meningkatkan pembangunan manusia.

Oleh yang demikian, objektif utama dalam artikel ini adalah untuk menganalisis hubungan kutipan zakat di Malaysia dengan tingkat pembangunan manusia berteraskan kepada petunjuk Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Sebanyak 13 buah institusi zakat di Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian kecuali bagi negeri Perlis akibat daripada kekangan data hasil kutipan zakat dari tahun 2016 sehingga tahun 2023 (JAWHAR, 2024). Data kutipan dan

agihan zakat bagi negeri Perlis dari tahun 2016 hingga 2023 telah diklasifikasikan sebagai maklumat sulit dan hanya menjadi rujukan dalaman Majlis Agama Islam Perlis sahaja. Data kutipan zakat bagi 13 buah negeri diperoleh daripada laman web Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2024) dan Majlis Agama Islam Negeri. Manakala data Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2023).

Walaupun terdapat pelbagai kajian lepas yang meneliti keberkesanan agihan zakat terhadap pembangunan manusia dan kebajikan asnaf, kebanyakannya kajian tersebut hanya memfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi; hubungan teori pembangunan manusia dan zakat; dan dalam bentuk kajian kes (Wahab & Rahman, 2011; Suprayitno & Mohammad Aslam, 2016; Meerangani, 2019; Sharofiddin et al., 2019; Rasool A., 2020; Zulkifli et al., 2021 dan Ismail & Ali, 2023). Terdapat kekurangan dari segi bagaimana kutipan zakat secara agregat di peringkat negeri memberi impak secara menyeluruh terhadap pembangunan manusia berdasarkan indikator-indikator IPM seperti kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup meskipun terdapat kajian empirikal pernah dijalankan oleh Suprayitno et al. (2017) ke atas 5 buah negeri di Malaysia tetapi ianya adalah kurang jelas kerana perbahasaan adalah tidak menyeluruh dan hanya tertumpu kepada negeri Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Selangor dan Terengganu. Selain itu, terdapat kekurangan kajian empirikal yang mengintegrasikan data kutipan zakat dengan pendekatan indeks pembangunan yang lebih komprehensif seperti Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) sebagai kayu ukur kesejahteraan. Maka, masih terdapat persoalan utama yang belum terjawab secara menyeluruh: adakah peningkatan kutipan zakat di peringkat negeri benar-benar memberi kesan terhadap pembangunan manusia berdasarkan analisis deskriptif. Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengisi jurang kajian tersebut dengan menganalisis hubungan antara kutipan zakat dan prestasi IPRM berdasarkan data antara negeri dan rentas masa bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2019 hingga tahun 2023.

Kajian Literatur

Pembangunan ekonomi adalah merujuk kepada proses perubahan struktur ekonomi, sosial serta institusi yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi untuk tempoh jangka masa panjang dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat (Meier & Rauch, 2000; Rahim et al., 2021). Pembangunan ekonomi yang baik adalah dengan peningkatan pendapatan perkapita, pengurangan kadar kemiskinan, penambahbaikan infrastruktur, dan peningkatan produktiviti dalam pelbagai sektor ekonomi (Meier & Rauch, 2000). Pembangunan ekonomi bukan hanya tertumpu kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek kesejahteraan sosial seperti kesihatan, pendidikan, keadilan sosial, dan kelestarian alam sekitar (Sachs, 2005; Eren & Kaynak, 2017).

Pembangunan manusia adalah konsep yang memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan serta potensi individu dalam pelbagai dimensi kehidupan, termasuk kesihatan, pendidikan dan juga taraf hidup. Konsep ini telah diperluaskan oleh Sen (1999) melalui pendekatan “capability” yang menumpukan kepada aspek kebebasan individu untuk menjalani kehidupan yang bernilai. Dalam konteks global, Indeks Pembangunan Manusia (IPM) telah diperkenalkan oleh UNDP (1990; 2023) dan kini telah menjadi indikator utama dalam menilai prestasi pembangunan sesebuah kawasan mahupun negara. Tiga teras utama yang menjadi penyumbang kepada peningkatan IPM adalah merangkumi aspek kesihatan, pendidikan dan taraf hidup yang baik (Ul Haq, Mahbub, 1995). Menurut Chowdhury et al. (2020), lima faktor penting yang wajar dipertimbangkan bukan hanya pada individu tetapi secara kolektif bagi mencapai kemakmuran. Pertama, latihan dan peluang pekerjaan; kedua, skim gaji yang adil untuk pekerja; ketiga, polisi insurans mampu milik untuk kemalangan berkaitan dengan kerja serta faedah lain;

keempat, bantuan terhadap individu yang mempunyai masalah mental dan fizikal bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan normal; kelima, pengumpulan hasil kutipan zakat, infaq dan sedekah melalui peruntukan undang-undang, peraturan cukai dan peraturan lain. Ini menunjukkan zakat juga adalah salah satu instrumen terpenting dalam mengerakkan pembangunan modal insan serta peningkatan tahap kesihatan bagi mencapai kemakmuran dalam kehidupan masyarakat di samping dalam meningkatkan tahap pembangunan rakyat Malaysia yang merujuk kepada pembangunan manusia.

Peranan Zakat Dalam Meningkatkan Kesihatan

Faktor utama pensyariatan zakat adalah merujuk kepada pengagihan semula kekayaan dalam masyarakat yang kurang berkemampuan dalam mendapatkan kemudahan kesihatan yang lebih baik. Menurut Abdullah & Suhaib (2011), zakat bukan semata-mata satu ibadah ritual, tetapi memiliki fungsi sosial dan ekonomi yang signifikan. Dalam kerangka pembangunan manusia, zakat dilihat sebagai satu mekanisme agihan semula (*redistributive mechanism*) yang mampu mengurangkan ketidaksamaan dan menggalakkan mobiliti sosial. Zakat mempunyai peranan yang signifikan dalam meningkatkan tahap kesihatan masyarakat. Agihan zakat kepada golongan asnaf yang tidak mampu membiayai rawatan atau akses kepada penjagaan kesihatan boleh membantu meningkatkan jangka hayat dan mengurangkan kematian akibat penyakit yang boleh dicegah. Sesetengah institusi zakat turut membiayai pembangunan klinik, program kesihatan komuniti serta membiayai bantuan perubatan dan ubat-ubatan. Sebagai contoh, institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor telah memperuntukkan jutaan ringgit setiap tahun untuk skim bantuan perubatan kepada golongan asnaf, merangkumi kos dialisis, pembedahan, dan bekalan ubat-ubatan (Laporan Zakat Selangor, 2024). Hal ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan dalam IPM yang berteraskan kepada dimensi kesihatan. Agihan zakat dalam pembangunan kesihatan juga adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari ke-3 (SDG 3): Kesihatan yang baik dan kesejahteraan (*Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages*) (Islamic Research & Training Institute, 2017).

Peranan Zakat Dalam Mempertingkatkan Aspek Pengetahuan

Faktor kedua adalah pembangunan masyarakat berteraskan kepada pembangunan modal insan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia dalam mengurangkan kadar kemiskinan dengan menawarkan peluang pembangunan ekonomi ke atas asnaf fakir dan miskin. Pendidikan adalah salah satu indikator utama IPM dan juga komponen penting dalam pembangunan ekonomi jangka panjang. Agihan zakat dalam bentuk biasiswa, pembiayaan pengajian, peralatan sekolah dan kelas bimbingan meningkatkan tahap pendidikan dan memperkuuh keupayaan produktiviti tenaga kerja masa depan (Wahab & Rahman, 2011). Dalam konteks ini, zakat memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan akses, kualiti, dan kesetaraan pendidikan, terutamanya bagi golongan asnaf. Zakat yang disalurkan untuk pendidikan bukan sahaja membantu pelajar mengakses pembelajaran, tetapi turut melayakkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Menurut Zulkifli et al. (2021), pelaburan zakat dalam pendidikan membawa pulangan jangka panjang yang tinggi dari sudut peningkatan produktiviti dan kesejahteraan ekonomi individu. Ini dapat diterjemahkan bahawa sekiranya pendidikan asnaf diperkasa, bukan sahaja skor IPM dapat ditingkatkan, tetapi kesejahteraan masyarakat juga dapat dicapai secara inklusif dan berterusan. Justeru, pengurusan dan pengagihan zakat harus terus diperkasakan sebagai instrumen pembangunan manusia yang kritikal dalam agenda pembangunan ummah dan negara.

Peranan Zakat Dalam Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat

Berdasarkan kepada faktor yang ketiga adalah berkaitan dengan keberkesanannya hasil kutipan zakat terhadap pembangunan manusia agar iaanya bertepatan dengan tahap kesejahteraan masyarakat pada masa kini yang berteraskan kepada pembangunan ekonomi. Dalam konteks pembangunan ekonomi moden, keberkesanannya sesuatu sistem tidak hanya dinilai berdasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tetapi juga melalui pencapaian IPM. Zakat menggalakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi dengan menyediakan jaringan keselamatan untuk golongan kurang berkemampuan (Ismail & Ali, 2023). Instrumen zakat merupakan instrumen terpenting dalam mengurangkan kadar kemiskinan serta yang berkaitan dengannya. Objektif program pembangunan ekonomi adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan fakir miskin serta mampu melahirkan golongan fakir miskin yang mampu berdikari dalam menceburi bidang keusahawanan agar mereka tidak lagi bergantung kepada bantuan zakat tunai sepanjang masa (Adnan & Roselam, 2018). Dengan hasil kutipan zakat yang diperoleh juga dapat dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk pembangunan ekonomi fakir dan miskin, antaranya adalah penyediaan peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan, bantuan pendidikan serta kesihatan. Oleh yang demikian, zakat memainkan peranan penting sebagai instrumen agihan semulakekayaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat, menyediakan kehidupan yang selesa dan seterusnya membawa kepada pembentukan negara yang berprestij pada masa akan datang (Rasool et al., 2020).

Dengan kepelbagaiannya program yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan hasil kutipan zakat yang dikumpul berjaya ditingkatkan serta diagihkan semula dengan cara yang lebih berkesan. Ini adalah penting bagi memastikan peningkatan kualiti hidup untuk setiap penerima zakat tercapai. Maka, secara tidak langsung dapat membantu golongan asnaf untuk meringankan beban kehidupan yang mereka hadapi (Meerangani, 2019) dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kesejahteraan hidup para golongan asnaf.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berdasarkan kepada kaedah analisis kandungan bagi meneliti hubungan antara teori pembangunan manusia dan pelaksanaan zakat di Malaysia. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap isu yang dikaji melalui penilaian sistematik terhadap dokumen, laporan dan sumber literatur yang relevan. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian perpustakaan (*library research*) yang memberi tumpuan kepada pengumpulan dan analisis data sekunder daripada pelbagai sumber ilmiah dan berautoriti. Sumber data utama merangkumi dokumen rasmi agensi zakat seperti laporan tahunan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), laporan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) atau dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jurnal akademik berkaitan ekonomi Islam dan pembangunan sosial, serta dokumen dasar yang berkaitan dengan pembangunan manusia dan pengurusan zakat di Malaysia.

Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menilai kandungan teks dan data secara sistematis dan objektif, bertujuan mengenal pasti tema-tema utama, pola pelaksanaan, serta keberkesanannya agihan zakat dalam menyokong dimensi pembangunan manusia seperti pendidikan, kesihatan, peningkatan taraf hidup. Analisis ini membolehkan penulis membina hubungan antara teori pembangunan manusia yang digariskan oleh Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dengan pelaksanaan zakat secara praktikal oleh institusi zakat di Malaysia berdasarkan kepada data terkini iaitu dari tahun 2005 sehingga tahun 2023. Selain itu, kaedah analisis deskriptif turut

digunakan untuk menggambarkan dapatan kajian secara naratif dan menyeluruh. Penekanan diberikan dalam kajian ini adalah dengan melihat, bagaimana bentuk-bentuk agihan zakat dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup asnaf, sejajar dengan matlamat pembangunan manusia menurut perspektif Islam dan konvensional.

Analisis Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada data Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Negeri, serta Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2019 hingga 2023. Analisis kajian ini telah dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu negeri dengan kutipan zakat yang tinggi, sederhana dan rendah. Pendekatan analisis ini dilaksanakan bagi memudahkan pemerhatian terhadap data kutipan zakat dan juga Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM), berdasarkan kepada pola perolehan hasil kutipan zakat mengikut negeri kecuali bagi negeri Perlis.

Perolehan Kutipan Zakat Yang Tertinggi

Jadual 1: 5 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Tinggi Bagi Tempoh 5 Tahun

| | 2019 | | 2020 | | 2021 | | 2022 | | 2023 | |
|---------------------|--------------------|-------|--------------------|-------|--------------------|-------|--------------------|-------|--------------------|-------|
| | Hasil Zakat (juta) | IPRM |
| Selangor | 855138 | 0.841 | 912957 | 0.851 | 992912 | 0.810 | 1067856 | 0.841 | 1118914 | 0.837 |
| Wilayah Persekutuan | 682277 | 0.865 | 756005 | 0.862 | 821740 | 0.861 | 928303 | 0.864 | 1035822 | 0.867 |
| Johor | 311727 | 0.792 | 300856 | 0.782 | 323033 | 0.787 | 367656 | 0.793 | 388015 | 0.796 |
| Kedah | 207214 | 0.761 | 228109 | 0.755 | 242189 | 0.770 | 252042 | 0.771 | 277056 | 0.770 |
| Kelantan | 196659 | 0.739 | 202645 | 0.742 | 209988 | 0.750 | 228986 | 0.753 | 256846 | 0.755 |

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat & Haji; Majlis Agama Islam Negeri; dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan kepada Jadual 1, lima negeri dengan hasil kutipan zakat yang paling tinggi bagi tempoh lima tahun dari tahun 2019 hingga 2023 iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah dan Kelantan. Negeri Selangor secara konsisten mencatatkan kutipan zakat tertinggi setiap tahun, bermula dengan RM855,138 juta pada tahun 2019 dan meningkat kepada RM1,118,914 juta pada tahun 2023. Kenaikan ini menunjukkan peningkatan lebih 30 peratus dalam tempoh lima tahun, mencerminkan kekuatan ekonomi dan keberkesanan sistem kutipan zakat di negeri tersebut.

Manakala bagi Wilayah Persekutuan turut menunjukkan tren peningkatan kutipan zakat yang stabil, dengan kutipan zakat meningkat daripada RM682,277 juta pada tahun 2019 kepada RM1,035,822 juta pada tahun 2023. Kedua-dua negeri ini juga mencatatkan nilai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) yang tinggi melebihi 0.8 sepanjang tempoh tersebut. Ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif antara jumlah kutipan zakat dan tahap pembangunan rakyat.

Sebaliknya bagi negeri Johor, Kedah dan Kelantan merekodkan kutipan zakat yang lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Namun, peningkatan kutipan zakat tetap berlaku dari tahun ke tahun, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Nilai IPRM di negeri-negeri ini juga berada pada paras sederhana (sekitar 0.74–0.79), yang boleh mencerminkan jurang pembangunan yang masih wujud.

Secara keseluruhan, analisis ini memperlihatkan bahawa negeri-negeri dengan kutipan zakat yang tinggi cenderung mencatatkan nilai IPRM yang lebih baik, sekaligus menunjukkan potensi zakat sebagai instrumen ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara menyeluruh.

Perolehan Kutipan Zakat Yang Sederhana

Jadual 2: 5 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Sederhana Bagi Tempoh 5 Tahun

| | 2019 | | 2020 | | 2021 | | 2022 | | 2023 | |
|-------------|--------------------|-------|--------------------|-------|--------------------|-------|--------------------|-------|--------------------|-------|
| | Hasil Zakat (Juta) | IPRM |
| Terengganu | 178655 | 0.781 | 185406 | 0.773 | 205291 | 0.784 | 228036 | 0.787 | 255275 | 0.782 |
| Perak | 207187 | 0.781 | 194853 | 0.781 | 183438 | 0.789 | 225058 | 0.790 | 227801 | 0.790 |
| P. Pinang | 121483 | 0.829 | 125297 | 0.826 | 147247 | 0.830 | 150145 | 0.830 | 159704 | 0.839 |
| Pahang | 174504 | 0.783 | 165260 | 0.785 | 186734 | 0.796 | 214387 | 0.803 | 223816 | 0.801 |
| N. Sembilan | 136583 | 0.805 | 139520 | 0.797 | 147553 | 0.808 | 152067 | 0.817 | 151856 | 0.820 |

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat & Haji; Majlis Agama Islam Negeri; dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2 menunjukkan tren kutipan zakat bagi lima buah negeri yang berada dalam kategori kutipan zakat sederhana, iaitu negeri Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Pahang dan Negeri Sembilan bagi tempoh lima tahun dari tahun 2019 hingga tahun 2023. Negeri-negeri ini merekodkan jumlah kutipan tahunan dalam lingkungan RM120,000 juta hingga RM255,000 juta, yang lebih rendah berbanding dengan 5 buah negeri yang menunjukkan kutipan yang tinggi dalam Jadual 1.

Negeri Terengganu mencatatkan peningkatan ketara dalam kutipan zakat daripada RM178,655 juta pada tahun 2019 kepada RM255,275 juta pada tahun 2023, iaitu peningkatan hampir 43 peratus. Manakala IPRM bagi negeri Terengganu adalah kekal stabil pada sekitar 0.78 dan ini menunjukkan sedikit penambahbaikan dalam pembangunan rakyat.

Manakala bagi negeri Pulau Pinang pula menunjukkan nilai IPRM tertinggi dalam kalangan lima negeri ini, meningkat daripada 0.829 pada tahun 2019 kepada 0.839 untuk tahun 2023, meskipun jumlah kutipan zakatnya adalah antara yang paling rendah. Hal ini dapat diandaikan bahawa tahap pembangunan rakyat di negeri tersebut mungkin dipengaruhi oleh faktor selain zakat, seperti struktur ekonomi dan akses kepada perkhidmatan sosial yang lebih baik.

Seterusnya Negeri Sembilan turut menunjukkan prestasi pembangunan yang memberangsangkan apabila nilai IPRM meningkat daripada 0.805 kepada 0.820, selari dengan kenaikan kutipan zakat. Pahang dan Perak juga menunjukkan pola pertumbuhan yang konsisten dari segi kutipan zakat dan nilai IPRM. Hal ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang sederhana positif antara kedua-dua pemboleh ubah.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa negeri-negeri dengan kutipan zakat sederhana masih kekal menunjukkan perkembangan yang baik dalam aspek pembangunan rakyat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Hubungan antara kutipan zakat dan IPRM dalam kumpulan ini kelihatan tidak sepadu seperti negeri-negeri berkategori tinggi, namun tetap signifikan untuk memahami impak zakat terhadap pembangunan rakyat.

Perolehan Kutipan Zakat Yang Rendah

Jadual 2: 3 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Rendah Bagi Tempoh 5 Tahun

| | 2019 | | 2020 | | 2021 | | 2022 | | 2023 | |
|---------|--------------------------|-------|--------------------------|-------|--------------------------|-------|--------------------------|-------|--------------------------|-------|
| | Hasil Zakat (Juta) | IPRM |
| Sabah | 88998 | 0.750 | 101788 | 0.755 | 122459 | 0.768 | 133427 | 0.772 | 145302 | 0.766 |
| Sarawak | 105964 | 0.801 | 110375 | 0.799 | 114725 | 0.814 | 116391 | 0.825 | 141564 | 0.813 |
| Melaka | 98838 | 0.821 | 100721 | 0.805 | 106077 | 0.813 | 116888 | 0.811 | 128376 | 0.822 |

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat & Haji; Majlis Agama Islam Negeri; dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3 menunjukkan hasil kutipan zakat tahunan dan nilai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) bagi tiga negeri yang mencatatkan kutipan zakat terendah dari tahun 2019 hingga 2023, iaitu negeri Sabah, Sarawak dan Melaka. Ketiga-tiga negeri ini menunjukkan tren peningkatan kutipan zakat tahunan, walaupun jumlahnya masih rendah berbanding dengan negeri-negeri lain.

Sabah merupakan negeri yang mencatatkan kutipan zakat paling rendah sepanjang tempoh lima tahun, bermula dengan RM88,998 juta pada tahun 2019 dan meningkat kepada RM145,302 juta pada tahun 2023. Walaupun terdapat peningkatan sebanyak lebih 63 peratus, nilai IPRM bagi negeri Sabah masih rendah berbanding negeri-negeri lain, iaitu sekitar 0.750 hingga 0.766. Ini menunjukkan bahawa peningkatan kutipan zakat belum cukup untuk mendorong kepada pembangunan rakyat Sabah secara signifikan.

Manakala Sarawak pula merekodkan kutipan zakat yang sedikit lebih tinggi berbanding negeri Sabah, dengan peningkatan sederhana dari RM105,964 juta pada tahun 2019 kepada RM141,564 juta untuk tahun 2023. Menariknya, nilai IPRM Sarawak menunjukkan konsistensi pada tahap melebihi 0.8 dan menandakan bahawa negeri ini mempunyai tahap pembangunan rakyat yang baik meskipun kutipan zakatnya adalah rendah. Ini mungkin mencerminkan keberkesanan dalam pengurusan atau sumber ekonomi alternatif yang menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi.

Seterusnya bagi negeri Melaka, walaupun termasuk dalam kategori kutipan zakat paling rendah, namun nilai IPRM yang dicatatkan adalah paling tinggi dalam kumpulan ini. IPRM Melaka berada pada paras 0.821 untuk tahun 2019 dan meningkat kepada 0.822 untuk tahun 2023. Kutipan zakat juga turut menunjukkan peningkatan secara progresif daripada RM98,838 juta kepada RM128,376 juta. Hal ini menunjukkan bahawa Melaka mungkin mempunyai struktur agihan zakat yang lebih efisien atau komponen pembangunan lain yang menyumbang kepada pencapaian pembangunan rakyat yang lebih stabil.

Secara keseluruhan, dapatan dalam kumpulan negeri berkutipan zakat yang rendah ini menunjukkan bahawa jumlah kutipan zakat yang rendah tidak semestinya berkorelasi negatif dengan nilai IPRM, terutama apabila terdapat faktor luaran yang turut menyumbang kepada pembangunan rakyat. Namun demikian, peningkatan kutipan zakat tetap penting sebagai pelengkap kepada dasar pembangunan sosioekonomi yang lebih menyeluruh, terutama di negeri-negeri yang berdepan dengan cabaran kemiskinan dan pembangunan yang tidak seimbang.

Kesimpulan Dan Implikasi Dasar

Secara keseluruhannya, analisis kutipan zakat dan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) bagi semua negeri di Malaysia telah menunjukkan hubungan yang relatif dan positif antara peningkatan kutipan zakat dengan pembangunan rakyat Malaysia. Negeri-negeri dengan kutipan zakat yang tertinggi seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan bukan sahaja merekodkan jumlah kutipan zakat yang paling tinggi, bahkan turut mencatatkan nilai IPRM yang tinggi dan stabil. Ini menunjukkan keupayaan zakat sebagai instrumen pembangunan sosial dan ekonomi yang mampan apabila tadbir urus institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri dilaksanakan dengan cekap.

Bagi negeri-negeri dengan kutipan zakat yang sederhana seperti Terengganu, Perak dan Pulau Pinang, peningkatan kutipan zakat turut disertai dengan peningkatan atau kestabilan pada nilai IPRM. Ini sekali gus menunjukkan instrumen zakat mempunyai impak yang positif terhadap kesejahteraan rakyat. Namun begitu, negeri-negeri dengan kutipan zakat yang rendah seperti Sabah, Sarawak dan Melaka menampilkkan corak yang lebih kompleks, di mana nilai IPRM tidak semestinya rendah walaupun kutipan zakat adalah kurang berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor luaran seperti struktur ekonomi negeri, tahap urbanisasi dan dasar pembangunan negeri turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan nilai IPRM.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperoleh, beberapa cadangan turut dikemukakan untuk memperkuatkkan peranan zakat dalam pembangunan rakyat Malaysia:

1. *Pengukuhan Tadbir Urus dan Ketelusan Agihan Zakat*: Institusi zakat negeri perlu memperkuatk sistem pengurusan, pemantauan dan pelaporan bagi memastikan agihan zakat benar-benar sampai kepada golongan asnaf yang berhak serta memberi kesan jangka masa panjang terhadap kualiti hidup asnaf.
2. *Pembangunan Strategi Kutipan Berasaskan Wilayah*: Pendekatan kutipan zakat perlu disesuaikan mengikut potensi dan struktur ekonomi disetiap negeri. Negeri-negeri yang mempunyai kutipan zakat yang rendah boleh menumpukan kepada aspek pendidikan iaitu dalam meningkatkan kesedaran zakat dalam kalangan masyarakat umum serta sistem kutipan dan agihan zakat yang lebih inovatif termasuk digitalisasi dan kolaborasi dengan institusi kewangan Islam.
3. *Fokus kepada Agihan Zakat Berimpak Tinggi*: Selain bantuan keperluan asas, agihan zakat perlu memberi tumpuan kepada program pembangunan modal insan seperti pendidikan, latihan kemahiran, kesihatan dan keusahawanan yang mampu mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan secara mampan.
4. *Pemerkasaan Ekonomi Asnaf melalui Zakat Produktif*: Institusi zakat perlu memperbanyakkan program zakat produktif seperti bantuan modal perniagaan, latihan keusahawanan dan sokongan perniagaan kecil. Kaedah ini bukan sahaja membantu menjana pendapatan asnaf, malah membina kebergantungan kendiri dalam jangka masa Panjang dan seterusnya dapat mengeluarkan mereka daripada senarai penerima zakat.
5. *Peningkatan Literasi Zakat Dalam Kalangan Masyarakat*: Pendidikan dan kempen kesedaran zakat perlu dipergiat disemua peringkat melalui media sosial, khutbah, bengkel dan modul pendidikan Islam di sekolah. Dengan tingkat literasi zakat yang banyak juga mampu memupuk tahap pemahaman secara menyeluruh mengenai peranan zakat sebagai alat pembangunan ummah.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa kutipan zakat mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan rakyat di Malaysia apabila institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri dikendalikan dengan berstrategi, cekap, berkesan dan mengutamakan kepada keperluan semasa asnaf. Meskipun jumlah kutipan berbeza mengikut negeri, pendekatan agihan yang bersasar dan menyeluruh mampu meningkatkan kesejahteraan sosial, mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi, dan memperkuuh daya tahan komuniti. Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini juga adalah bertujuan untuk mempertingkatkan fungsi zakat sebagai instrumen pembangunan yang lebih dinamik dan inklusif. Kejayaan pelaksanaan strategi-strategi tersebut memerlukan komitmen bersama daripada semua pihak berkepentingan termasuk institusi zakat, kerajaan, masyarakat awan serta pihak swasta.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan oleh Mohd Taqiyuddin Che Hassan dan beliau juga merupakan calon pelajar Doktor Falsafah (PhD) daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam di bawah seliaan Dr. Mohd Hafiz Abdul Wahab, Dr Faezy Adenan dan Dr. Mohd Zaid Mustafar. Terima kasih diucapkan kepada penyelia Phd, kerana sudi membimbing sehingga berjaya menyiapkan kajian ini dan tidak dilupakan kepada ACIS, Universiti Teknologi MARA, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Negeri atas kerjasama yang telah diberikan sehingga terhasilnya kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, M. A., & Suhaib, A. Q. (2011). The impact of zakat on social life of Muslim society. *Pakistan Journal of Social Sciences*, 30(2), 439–443.
- Adnan M., N. I. & Roselam C., M. A. (2018). Pengagihan dana zakat dalam bentuk pembiayaan mikro untuk usahawan miskin di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 1-14. DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.266>
- Chowdhury, M.S.A., Arafat, A.B.M.Y., Islam, S., Akter, S. & Islam, K.M.A. (2020). Impact of rural development scheme of Islamic Bank Bangladesh Limited (IBBL) upon economic development of the rural poor of Bangladesh. *The Millennium University Journal*, 5(1), 1–14
- Eren, M., & Kaynak, S. (2017). An evaluation of EU member states according to human development and global competitiveness dimensions using the multi-period grey relational analysis (MP-GRA) Technique. *Grey Systems: Theory and Application*, 7(1), 60–70. DOI: 10.1108/GS-08-2016-002
- Ismail M., M.N. & Ali, N. A. (2023). Konsep asnaf mualaf dan had pengukuran mualaf. *Al-Basirah*, 3(1), 25-41. DOI: <https://doi.org/10.22452/basirah.vol13no1.3>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). Malaysia Human Development Index (MHDI) 2022. Diperoleh daripada https://www.dosm.gov.my/site/downloadrelease?id=malaysia-human-development-index-2022&lang=English&admin_view=#:~:text=MHDI%20comprises%20three%20dimensions%20namely,a%20decent%20standard%20of%20living.&text=The%20performance%20of%20the%20MHDI,compared%20to%200.806%20in%202021 (diakses pada 23 Mei 2025).
- Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR). (2024). Statistik kutipan zakat harta dan fitrah. Diperoleh daripada https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_map.php. (diakses pada 23 Mei 2025).
- Kadri, Z., Ahmad, S. & Noor, M.A.M. (2012). Zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi: Ke arah negara berpendapatan tinggi. Dlm. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) VII (pp. 1263-1273). Jilid 2. 4-6 Jun 2012.
- Lembaga Zakat Selangor (2024). Laporan Zakat Selangor. Diperoleh daripada <https://laporanlzs.zakatselangor.com.my/> (diakses pada 23 Mei 2025).
- Meier, G. M., & Rauch, J. E. (2000). Leading issues in economic development. 7th edition. Oxford University Press.
- Meerangani, K. A. (2019). The role of zakat in human development. *Jurnal Sosial & Budaya Syar-i*, 6(2), 141-154. DOI: 10.15408/sjsbs.v6i2.11037
- Rahim, S., Murshed, M., Umarbeyli, S., Kirikkaleli, D., Ahmad, M., Tufail, M., & Wahab, S. (2021). Do natural resources abundance and human capital development promote economic growth? A study on the resource curse hypothesis in next eleven countries. *Resources, Environment and Sustainability*, 4, 100018. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.resenv.2021.100018>
- Rasool A., M. S., Ahmad, S.N.A & Ali, S.M. (2020). Enhancing household well-being through zakat assistance: A wealth perspective. *International Journal of Zakat*, 5(2), 23-36. DOI: <https://doi.org/10.37706/ijaz.v5i2.213>
- Sachs, J. (2005). The end of poverty: Economic possibilities for our time. Penguin Press.
- Sen. A. (1999). Development as freedom. Oxford University Press.
- Sharofiddin, A., Othman, A.H.A. & Alhabshi, S.M.S.J. (2019). The impact of zakat distribution on social welfare: a case study of Selangor zakat agencies, Malaysia. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, Special Issues, 147-167. DOI: <https://doi.org/10.31436/shajarah.v0i0.900>

- Suprayitno, E. and Mohammad Aslam. (2016). Zakat and economics growth in the peninsular Malaysia: An ARDL bounds testing approach. *International Journal of Social and Economic Research*, 6 (1), 91-109. DOI: 10.5958/2249-6270.2016.00007.6
- Suprayitno, E., Aslam, M. & Harun, A. (2017). Zakat and SDGs: Impact zakat on human development in the five states of Malaysia. *International Journal of Zakat*, 2 (1), 61-69. DOI: <https://doi.org/10.37706/ijaz.v2i1.15>
- Suprayitno, E. (2020). The impact of zakat on economic growth in 5 states in Indonesia. *International Journal of Islamic Banking and Finance Research*, 4(1), 1-7. DOI: <https://doi.org/10.46281/ijibfr.v4i1.470>
- The Economic Times. (2023). What is 'Human Development Index'. Diperoleh daripada <https://economicstimes.indiatimes.com/definition/human-development-index> (diakses pada 23 April 2025).
- Ul Haq, Mahbub. (1995). Reflections on human development. Oxford University Press
- United Nations Development Programme (UNDP). (1990). Human Development Report: Concept and Measurement of Human Development, Diperoleh Pada 23 Jun 2023 daripada <https://hdr.undp.org/system/files/documents/hdr1990encompletenostatspdf.pdf>, New York: Oxford University Press. (diakses pada 23 April 2025).
- United Nations Development Programme (UNDP). (2023). HDI dimensions and indicators. Diperoleh daripada <https://hdr.undp.org/data-center/human-development-index#/indicies/HDI> (diakses pada 23 April 2025).
- Wahab, N. A., & Rahman, A. R. A. (2011). A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43–62. DOI: <https://doi.org/10.1108/17590811111129508>
- Zulkifli, M.F., Taha, R., Awang, R.N., Mohd Nor, M.N. & Ali, A. (2021). Combating poverty in Malaysia: The role of zakat. *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(5), 505 – 513. DOI: <https://doi.org/10.13106/jafeb.2021.vol8.no5.0505>